

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)


TAJUK	Perkhidmatan Kemasukan Data dan Maklumat Syarikat/ Organisasi Untuk Diperakukan Sijil <i>e-Shared Prosperity Organisation (eSPO)</i>
TARIKH/ GARIS MASA	Januari – Oktober 2022
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	1. <i>e-Shared Prosperity Organisation (eSPO)</i> ialah platform dalam talian yang mengeluarkan sijil perakuan elektronik kepada organisasi yang berjaya melaksanakan <i>Productivity Linked-Wage System (PLWS)</i>. 2. Bagi memantapkan proses perakuan organisasi eSPO bagi tahun 2022, program dan aktiviti untuk menyokong sistem eSPO diperlukan untuk menasihati, memudahkan dan menggalakkan pemain industri untuk diperakukan. 3. Projek yang sama telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan sebanyak 20,500 organisasi telah berjaya diperakukan ke dalam sistem eSPO.
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	1. Sumber utama data bagi pengamal PLWS adalah daripada JPPM iaitu sebanyak 89,000 organisasi dan ILMIA sebanyak 5,000 organisasi. 2. Walau bagaimanapun, data yang diterima tidak lengkap iaitu tiada maklumat nombor pendaftaran syarikat yang bertindak sebagai nombor siri kepada sijil eSPO.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	1. Menganalisis data yang diberikan oleh JPPM dan ILMIA untuk dimasukkan ke dalam sistem eSPO 2. Memperakukan organisasi yang mengamalkan penciptaan kekayaan bersama dan perkongsian kekayaan antara majikan dan pekerja
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	1. Kementerian/ Agensi 2. Pemain Industri

JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	Transformasi Sistem Upah di syarikat/ perniagaan/ organisasi dan industri ke arah mewujudkan Organisasi Kemakmuran Bersama.
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	20,000 organisasi yang Berjaya diperakukan sijil eSPO
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	Pemain industri dari pelbagai sektor; - Pembuatan - Perkhidmatan - Pembinaan - Pertanian - Perlombongan & Pengkuarian
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	Bajet TWIP - RM400,000.00
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	TIADA
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Memohon pertimbangan BOM bagi cadangan: ➤ Meluluskan pelaksanaan perkhidmatan kemasukan data dan maklumat syarikat organisasi untuk diperakukan Sijil <i>e-Shared Prosperity Organisation (eSPO)</i> ➤ Meluluskan penggunaan bajet TWIP untuk projek berkenaan melalui perolehan terbuka Sebutharga A.
UNIT/ BAHAGIAN	Seksyen Peningkatan Bakat, PCD

****Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.**

(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.
DISOKONG OLEH: -TIDAK BERKENAAN- NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN Jawatan: -TIDAK BERKENAAN- Nama Bajet: -TIDAK BERKENAAN- Tarikh:

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH:  SITI SAKINAH MOHD ZAKI Penolong Pengurus, PCD 3 Januari 2022	DISEMAK OLEH:  DR. SURIATI ZAINAL ABIDIN Timbalan Pengarah, PCD 3 Januari 2022	DISAHKAN OLEH:  MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID Pengarah, PCD 3 Januari 2022

A. PENGURUSAN PROJEK

1. Penyebut Harga hendaklah menyediakan Pasukan Pengurusan Projek untuk mentadbir, mengawalselia dan memberikan khidmat nasihat serta memastikan projek dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Berikut adalah cadangan jadual pelaksanaan dan pengurusan projek yang diperlukan oleh pembekal.

CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN & PENGURUSAN PROJEK JANUARI – OKTOBER 2022										
FASA	1			2			3			
PERKARA/ BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1. Syarikat yang diperakukan eSPO	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000
2. Laporan Output dari Pembekal			Minggu ke-3 Mac			Minggu ke-3 Jun				Minggu ke-3 Okt
3. Pembayaran kepada Pembekal			Bayaran Pertama selepas mendapat laporan lengkap			Bayaran Kedua selepas mendapat laporan lengkap				Bayaran Ketiga selepas mendapat laporan lengkap

B. DOKUMENTASI LAPORAN

1. Pembekal **WAJIB** menyediakan dokumentasi laporan yang diperlukan untuk menyokong urusan perolehan dan kontrak perkhidmatan ini.
2. Laporan lengkap perlu dihantar pada **minggu ketiga (ke-3) pada bulan ke-3 setiap fasa.**
3. Jika sekiranya pembekal telah menyiapkan kerja-kerja pembekalan terlebih awal, pembekal perlu memaklumkan kepada pihak sekretariat bagi urusan pembayaran pada perkhidmatan yang telah dibekalkan.

C. PERBINCANGAN/ MESYUARAT

1. Pembekal secara proaktif, **WAJIB** memanggil dan mengadakan perbincangan/ mesyuarat sekiranya terdapat isu yang timbul sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

D. PEMBAYARAN

1. Pembekal bersetuju untuk menerima bayaran setelah perkhidmatan disempurnakan secara berfasa iaitu sebanyak tiga (3) fasa dalam tempoh selama sepuluh (10) bulan.

TEMPOH MASA	%	LAPORAN/ OUTPUT DIPERLUKAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
Fasa 1 (Jan – Mac) Bayaran Pertama	(30%)	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>6,000 syarikat</u> yang telah berjaya diperakukan ke dalam sistem eSPO.	120,000.00
Fasa 2 (Apr – Jun) Bayaran Kedua	(30%)	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>6,000 syarikat</u> yang telah berjaya diperakukan ke dalam sistem eSPO.	120,000.00
Fasa 3 (Jul – Okt) Bayaran Ketiga	(40%)	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>8,000 syarikat</u> yang telah berjaya diperakukan ke dalam sistem eSPO.	160,000.00
JUMLAH KESELURUHAN PROJEK (RM)			400,000.00

2. Pembekal bersetuju untuk mengemukakan dokumen sokongan berkaitan yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran proses pembayaran.

